

Langkah segera bakal diambil bagi memacu pertumbuhan dan merancakkan industri pelancongan serta memastikan pemeliharaan biodiversiti di Pulau Langkawi, Kedah. Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata beliau akan menyegerakan beberapa projek termasuk cabang universiti yang akan memberi manfaat kepada rakyat di pulau berkenaan. Anwar mengadakan mesyuarat bersama Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) yang turut disertai Pegawai Daerah dan Ketua Polis Daerah Langkawi, menurut hantaran di media sosial semalam.

BERNAMA



*Langkah segera pa  
pelancongan Lang*

BERITA HARIAN 31 DEC 2024

m/s. 4



cu industri  
kawi